

# mega

ISNIN  
**19.12.11**  
Utusan Malaysia

HANYA segelintir daripada kita yang mengetahui bahawa cendawan susu rimau bukan sebarang cendawan sebaliknya mempunyai khasiat perubatan yang menakjubkan.

**Ikuti FOKUS di muka 2, 3 & 4**

## Cendawan susu rimau



Info

Ciri-ciri cendawan susu rimau

**Payung:** Berbentuk bulat hingga 20 sentimeter (sm) dengan pusatnya pada hujung batang. Ketebalan dua hingga lima milimeter (mm) berwarna perang kemerahan pada bahagian atas dan putih dan berporos (berlubang-lubang) di bahagian bawah.

**Batang:** Bermula daripada ubi. Panjangnya lima hingga 20 sm dan bergaris pusat 10-15 mm. Padat dan berkulit keras 0.5 mm berwarna perang jingga.

**Akar rizom:** Panjang satu hingga lima dan bergaris pusat satu hingga tiga. Menjalur melalui tanah lembut.

**Ubi (sclerotium):** Saiznya beberapa sentimeter, bentuk oval tidak sekata. Isi putih padat. Kulit luar berwarna perang kehitaman, keras dan berkedut.



DR. Tan Chong Seng di makmal penyelidikan cendawan rimau.

CENDAWAN susu rimau dan produk yang dihasilkan daripadanya.



# Khazanah alam dengan 1,001 khasiat perubatan



CENDAWAN susu rimau yang berjaya dikultur.

Orang Asli percaya tempat yang tumbuh cendawan susu rimau mempunyai harimau dan hanya dijumpai jika ada rezeki

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**  
Gambar **NORADZRENE MOHD NOOR**

**C**ENDAWAN ada pelbagai jenis. Ada yang boleh dimakan dan ada pula yang beracun. Terdapat cendawan yang boleh ditanam secara komersial dan sesetengahnya pula hanya hidup secara liar dalam hutan.

Tetapi yang pasti tentunya tiada ramai yang mengenali cendawan susu rimau. Tetapi di kalangan nenek moyang kita dan Orang Asli mereka cukup arif tentang cendawan ini. Sebabnya kerana ia memiliki khasiat yang tidak ternilai yang tersimpan rapi sebagai khazanah alam yang perlu 'dicungkil' untuk manfaat semua.

Kenapa cendawan yang dengan nama saintifiknya *Lignosus rhinocerus* di gelar cendawan susu rimau? Kononnya, ia hanya boleh ditemui di hutan yang mempunyai populasi harimau.

Berdasarkan kisah dongeng, cendawan susu rimau dipercayai tumbuh di atas titisan susu harimau yang jatuh ke tanah semasa menyusukan anaknya. Dari situ ia mendapat nama.

Ubinya (*sclerotium*) yang berwarna putih terbentuk dan terbenam di dalam tanah berbulan, bertahun malah berabad lamanya.

Apabila tiba masanya, dari ubi tersebut ia akan bercambah. Mengikut kepercayaan hanya mereka yang bertuah akan menemui cendawan itu.

Cendawan susu rimau mempunyai

khasiat yang menakjubkan terutama ubinya.

Selama berabad, ia digunakan sebagai herba untuk mengubati pelbagai masalah kesihatan.

Sebenarnya cendawan susu rimau telah digunakan sejak abad ke-18 bagi mengubati pelbagai jenis penyakit.

Ketika itu setiap keluarga pasti menyimpan seketul kecil objek seperti batu sebagai ubat serba guna.

Apabila terdapat ahli keluarga dijangkiti sama ada batuk, selesema, demam, bengkak atau lemah badan, si ibu pasti mengeluarkannya dan parut atas permukaan tembikar untuk mendapatkan serbuk dan ditambah dengan air.

"Malah semasa kecil, ibu saya sering memberikan minum air campuran 'susu rimau' ketika demam atau sakit.

"Ketika itu saya benar-benar percaya ibu memberikan saya susu harimau.

"Sehingga saya mendengar ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad (ketika itu Perdana Menteri) semasa persidangan BioMalaysia 2002 menyatakan susu rimau menyembuhkan batuk kroniknya," kata Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sumber Strategik, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Tan Chon Seng ketika ditemui di pejabatnya di Serdang baru-baru ini.

Beliau sedar susu rimau yang biasa diminum suatu masa dulu adalah sejenis cendawan. Bermula dari situ timbul minat beliau untuk terus





mengkajinya.

Menurutnya, cendawan susu rimau digunakan oleh pengamal perubatan Melayu untuk mengubati penyakit barah darah, barah rahim, ulser usus, penyakit buah pinggang dan bengkak-bengkak pada badan.

Pengamal tradisional Cina pula menggunakannya untuk demam, lelah dan menguatkan kesihatan badan.

Semua puak Orang Asli menggunakan cendawan susu rimau untuk mengubati lebih 15 penyakit termasuk demam, batuk, lelah, barah, keracunan makanan dan luka.

Melihat kepada khasiat cendawan tersebut yang banyak, timbul persoalan mengapa ia tidak dikomersialkan?

Menurutnya, masalah utama ialah ia amat sukar ditemui dan wujud sebagai cendawan tunggal di tengah-tengah hutan.

"Orang Asli percaya tempat yang tumbuh cendawan susu rimau mempunyai harimau dan hanya dijumpai jika ada rezeki atau tuah.

"Disebabkan bekalan yang terhad, harganya melambung tinggi dan sukar untuk dikaji dan dikomersialkan," katanya.

Bagi mempopularkan khasiat cendawan susu rimau, ia perlu dibiakkan dengan apa cara sekalipun.

Menurut beliau China, yang merupakan pengguna cendawan herba terbesar dunia memilih cendawan susu rimau sebagai salah satu daripada 10 cendawan yang berpotensi untuk dikomersialkan.

"Bagaimanapun cendawan ini hanya tumbuh liar di hutan Asia Tenggara. Mereka yang berjaya membiakkannya akan memperoleh pulangan yang lumayan," katanya.

Namun daripada kajian beliau selama lapan tahun telah membuahkan kejayaan apabila cendawan susu rimau berjaya dihasilkan melalui tisu didik.

"Cabarannya paling getir adalah mencari bahan ramuan untuk membiakkan cendawan susu rimau.

"Kejayaan saya dalam penyelidikan susu rimau adalah sebagai penghargaan dan kenangan terhadap mendiang ibu saya yang telah mencetuskan inspirasi menjalankan penyelidikan," katanya.



## MARDI, Ligno komersial cendawan susu rimau

HASIL kajian yang dijalankan MARDI dengan syarikat tempatan Ligno Biotech Sdn. Bhd. telah berjaya menanam cendawan susu rimau untuk tujuan komersial.

Teknologi penghasilan cendawan susu rimau itu bukan saja yang pertama di negara ini, malah di dunia.

Walaupun kegunaan cendawan tersebut kian dilupai tetapi Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sumber Strategik, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Tan Chon Seng telah menjalankan kajian bermula tahun 2002.

Setelah lapan tahun, beliau berjaya menggunakan kaedah saintifik untuk menanam cendawan itu dalam persekitaran terkawal.

Ini membolehkan ia dihasilkan dalam kuantiti yang banyak untuk tujuan komersial.

Melalui pembiayaan TechnoFund, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan kerjasama MARDI, syarikat terbabit telah berjaya membangunkan teknologi penanaman cendawan susu rimau untuk tujuan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ligno Biotech Sdn. Bhd., Ng Szu Ting berkata, kelulusan pihak berkuasa merupakan jaminan utama untuk mengembangkan kegunaan cendawan susu rimau.

"Antaranya penggunaan teknologi terkini seperti teknik penanda genetik DNA bagi memastikan spesies cendawan susu rimau yang sebenar dan berkhasiat tinggi untuk penanaman.

"Keadaan steril dan bilik kawalan suhu dan pengudaraan digunakan untuk pertumbuhan cendawan," katanya.

Ini kerana penanaman dalam keadaan terkawal dapat menghasilkan cendawan susu rimau yang lebih berkhasiat dan tetap berbanding cendawan susu rimau yang ditanam secara semulajadi.

Selain itu kaedah pengeringan beku sejuk dipakai untuk mengeringkan ubi yang telah dituai bagi memelihara khasiatnya.

Buat masa ini, syarikat tersebut berupaya mengeluarkan 100 kilogram ubi cendawan susu rimau sebulan.

Keberkesanan cendawan susu rimau telah dikaji secara mendalam melibatkan kerjasama antara MARDI dan penyelidik dari Universiti Malaya (UM), Universiti Nottingham (Kampus Malaysia), Universiti Tunku Abdul Rahman (UniTAR) dan Beijing Genom Institute.

"Ini menunjukkan kesahihan pengalaman nenek moyang kita menggunakan cendawan susu rimau terbukti sesuai untuk mengubati pelbagai jenis penyakit," katanya.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, cendawan susu rimau mempunyai tiga fungsi utama iaitu antiinflamasi, antitumor dan meningkatkan ketahanan badan.

Produk cendawan susu rimau yang mula beredar di pasaran mendapat sambutan menggalakkan di



ANTARA anugerah yang didapati dalam penyelidikan cendawan susu rimau.

kalangan pesakit yang menggunakannya.

Biasanya orang dewasa hanya memerlukan 0.5 gram (g) cendawan susu rimau sehari untuk pelbagai penyakit.

Bagaimanapun kata Szu Ting, pengambilan cendawan susu rimau dengan berlebihan tidak meninggalkan kesan negatif.

Kajian yang dijalankan menunjukkan, tidak ada kesan dos berlebihan walaupun diambil 10 peratus berbanding berat badan.

Cendawan susu harimau boleh diambil oleh sesiapa saja. Malah kajian menunjukkan bayi seawal usia enam bulan telah menggunakannya.

"Dalam kajian yang kami jalankan, terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis spesies cendawan susu rimau di dalam hutan. "Ketiga-tiga spesies tidak dapat dibezakan menggunakan mata kasar," katanya.

Produk Ligno Tiger Milk Mushroom telah mendapat pengiktirafan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Guinness Book of Records dan Amalan Pengilangan Baik (APB). Pembaca yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai cendawan susu rimau boleh melayari laman web [www.ligno.com.my](http://www.ligno.com.my)